

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 49. RABU 7 DISEMBER, 1966. 1386 رابو 23 شعبان PERCHUMA



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini sa-belum

Baginda menyampaikan hadiah² kepada pemenang² dalam Pertandingan Membaca Al-Qur'an Kejohanan Sa-Negeri Brunei

di-pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 26 November, 1966. — GAMBAR BPUI.

Upachara Penyampain Sijil Maktab

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, telah menyampaikan Kurniaan Baginda kepada Penuntut Maktab Perguruan Melayu Brunei yang terbaik sekali dalam Pepereksaan Penggal Akhir Tahun 1965. Penuntut itu ialah Dayangku Rosnah binte Pengiran Haji Rajid.

Upachara tersebut telah di-langsungkan di-Majlis Penyampaian Sijil M.P.M.B. Tahun 1965 bertempat di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 3 Disember, 1966.

Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara telah juga men-

Perguruan

yampaikan hadiah² M.P.M.B. di-majlis itu.

Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking telah menyampaikan Sijil² Kelayakan Penuntut² M.P.M.B. 1965 kepada seramai 95 orang di-majlis tersebut.

Majlis itu di-mulakan dengan

Uchapan dan Laporan oleh Pengetua M.P.M.B., Awang Othman bin Bidin. Kemudian ucapan² dalam Bahasa Melayu telah di-lafadzkan oleh Penyusun Latehan Perguruan, Awang Bumford dan oleh Pegawai Pelajaran Negara, Dato Paduka Awang Malcolm MacInnes, di-turuti oleh Nadzir Negara, Awang Mohd. Suni bin Haji Idris yang telah membacakan ucapan Pegawai Pelajaran Negara dengan sa-pe-noh-nya dalam Bahasa Melayu.

Sa-lepas itu Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara telah memberikan ucapan dan juga membacakan Titah Uchapan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan.

Dato Doughty Di-Lantek Menjadi Ahli Majlis Mashuarat Di-Raja



BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah melantek Yang Berhormat Pehin Datu Laila Setiawan Dato Seri William Henry Doughty sa-bagai sa-orang Ahli Majlis Mashuarat Di-Raja, mulai pada 8 November, 1966.

Upachara lantekan tersebut telah di-adakan di-Istana Darul Hana pada pagi 30 November, 1966 dengan di-saksikan oleh Ahli² Majlis Mashuarat Di-Raja, Pegawai² Kanan Kerajaan², Pembesar² Negara dan lain²-nya.


TARIKH MULAI BERPUASA

BANDAR BRUNEI. — Pegawai² dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, dengan kerjasama Pegawai² dari Jabatan Ukur Negeri Brunei akan melihat anak bulan Ramadhan pada petang hari Ithnin 12 Disember, 1966.

Sa-kira-nya anak bulan Ramadhan kelihatan pada petang

tersebut, maka Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei akan berpuasa mulai pada hari Selasa 13 Disember, 1966.

Jikalau anak bulan Ramadhan tidak kelihatan pada petang hari tersebut, maka Umat Islam di-seluruh negara akan berpuasa mulai pada hari Rabu 14 Disember, 1966.



Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh kelihatan menyampaikan Piala Rebutan Ibrahim Latif kepada Kapitan Sulaiman, Ketua Pasokan Hoki G.P.P.S. Tutong sa-lepas pasokan itu berjaya mengalahkan Pasokan Hoki Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya dengan enam gol berbalas dua di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada 27 November, 1966.

Pasokan Hoki G.P.P.S. Tutong telah berjaya menyandang gelaran sa-bagai Johan Perlawanan Hoki antara Persatuan2 di-Daerah Tutong bagi menyambut Hari Ulang Tahun

MALAM ANEKA WARNA S.M. SUNGAI KEBUN

KAMPONG SUNGAI KEBUN. — Sekolah Melayu Sungai Kebun akan mengadakan temasha Malam Aneka Warna sa-bagai menyambut Akhir Persekolahan tahun ini bertempat di-sekolah itu pada malam ini.

Yang Berhormat Awang

Othman bin Sunggoh, Ahli Majlis Mashuarat Negeri Brunei dan juga Ahli Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara akan merasmikan pembukaan temasha

tersebut pada jam tujuh malam.

Di-antara achara2 yang di-adakan di-temasha tersebut ia-lah Peraduan Membacha Sajak, Peraduan Nyanyian Kanak2 dan Moden; Peraduan Ratu Kebaya; Peraduan Pakaian Beragam; Persembahan2 Nyanyian, Tarian, Berbalas Pantun dan Tablo, serta juga persembahan2 Berdiang Dangan "Bujang Si-Gandam Menchari Isteri-nya" dan lain2-nya.

Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan, anjoran Persatuan Melayu Luagan Dudok yang telah di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada petang

27 November, 1966. Dalam gambar ini kelihatan Pemain2 dan Pegawai Pasokan G.P.P.S. Tutong sa-lepas kejayaan pasokan itu dalam Perlawanan Hoki tersebut.



Pegawai2 Imigresen Brunei Ka-K. Lumpur

BERAKAS. — Sa-rombongan enam orang Pegawai2 Imigresen dari Negeri Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Kuala Lumpur pada tengah hari Ahad 4 Disember, 1966 untuk melawat sambil mempelajari perkara2 yang bersangkutan paut dengan hal ehwal Imigresen di-sana sa-lama dua minggu.

Mereka ia-lah Pengiran Kamaluddin Pengiran Rabaha (Ketua Rombongan), Pengiran Haji Wahab bin Pengiran Merali, Awang Md. Yusof bin Dagong, Awangku Hassan bin Pengiran Md. Yassin, Awang Razali bin Matussin dan Awang Sudin bin Haji Harris.

Ini-lah rombongan pertama Pegawai2 Imigresen dari negeri ini di-hantarkan oleh Kerajaan Brunei ka-Malaya untuk melawat sambil mempelajari perkara2 mengenai Imigresen di-sana.

Rombongan kedua Pegawai2 Imigresen dari Negeri Brunei, seramai lima orang, akan berlepas ka-Kuala Lumpur pada awal bulan Januari hadapan untuk melawat sambil mempelajari hal ehwal Imigresen di-sana sa-lama dua minggu juga.

Menderma-lah Kapada Tabong Bantuan Anak2 Yatim, Banduan2 dan Orang2 Sakit

BANDAR BRUNEI. Sa-buah Badan Jawatan Kuasa kerana memungut Derma Hari Raya Puasa kapada Anak2 Yatim, Banduan2 dan orang2 sakit di-Daerah Brunei dan Muara bagi tahun 1386/1966 sedang menjalankan pungutan derma daripada orang ramai di-daerah tersebut.

Jawatan Kuasa tersebut di-Pengerusikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato

Paduka Kemaluddin, Penge-tua Pegawai Hal Ehwal Uga-ma, Brunei.

Bermacham2 chara menda-patkan derma telah pun di-usahakan dan juga sedang di-ranchangkan oleh Jawatan Kuasa tersebut.

Jawatan Kuasa itu berharap kapada orang ramai supaya memberikan derma bakti mereka untuk mengisi Tabong Derma itu.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong Mulai hari Rabu 7 Disember hingga ka-hari Selasa 13 Disember, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit	Matahari
7 Dis.	12.18	3.36	6.13	7.28	4.44	4.59	6.17	
8 Dis.	12.18	3.36	6.13	7.28	4.44	4.59	6.17	
9 Dis.	12.18	3.36	6.13	7.28	4.44	4.59	6.17	
10 Dis.	12.18	3.36	6.13	7.28	4.44	4.59	6.17	
11 Dis.	12.20	3.39	6.16	7.30	4.46	5.01	6.19	
12 Dis.	12.20	3.39	6.16	7.30	4.46	5.01	6.19	
13 Dis.	12.20	3.39	6.16	7.30	4.46	5.01	6.19	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



Sa-rombongan sembilan orang Guru2 Besar dari Sekolah2 Melayu, Bahagian Tutong I, dengan di-ketuai oleh Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong I, Awang Shahbudin bin Saleh (berdiri di-hujung kiri sekali) telah melawat ka-beberapa tempat di-Bandar Brunei baru2 ini. Di-antara tempat2 yang di-lawati itu ia-lah Bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan; Masjid Omar Ali Saifuddin; Kolam Ayer Tasek; Makam Di-Raja; Lumut Lunting, Ujong Batu dan lain2-nya. Gambar ini di-ambil sa-masa lawatan rombongan tersebut ka-Kolam Ayer Tasek.

PENDAFTARAN "SAKAM" DI-LULUSKAN

PEKAN MUARA. — Pendaftaran Persatuan Empat Buah Kampong — Serasa, Sabun, Kapok, Muara — nama rengkas-nya "SA KAM," telah di-luluskan oleh Pendaftar Persatuan2 Negeri Brunei pada 24 November, 1966.

Pegawai2 Persatuan SA-KAM yang telah di-lantek baru2 ini ada-lah saperti berikut:

Yang Dipertua — Che'gu Julaihi bin Sulaiman, Naib Yang Dipertua — Awang Md. Salleh Abdul Momin. Setia Usaha — Awang Ibrahim Tinggal. Naib Setia Usaha — Che'gu Mohammad Haji Yassin. Bendahari — Awang Abdul Rahman Kahar. Pemereksa Kira2 — Dayang Fatmah Tuah dan Che'gu Mohammad Lamat.

Setia Usaha Sosial — Awang Omar Ali Haji Mohiddin. Setia Usaha Kebudayaan dan Kesenian — Che'gu Mohammad Damit. Setia Usaha Penerangan — Awang Tamit Haji Nudin. Setia Usaha Pelajaran dan Persuratan — Che'gu Sharbini Bakar.

Ahli2 Jawatan Kuasa — Awang Abdul Latif Hadi (Kampong Sabun), Awang Sulaiman Ya'akub (Kampong Kapok), Awang Omar Daud (Muara), Awang Md.

Said O. K. Bandar (Kampong Serasa), Awang Ahmad Tuah Sundit (Kampong Sabun), Dayang Habibah Daud (Muara), Dayang Rahmah Punggut (Muara), Dayang Halimah Haji Mina (Kampong Kapok), Dayang Aisah Haji Abdul Rahman (Muara) dan Dayangku Mastura Pengiran Mustafa (Kampong Sabun). Berita kiriman Awang Md. Salleh Abdul Momin.

Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei akan di-langsungkan pada hari Ithnin 12 Disember, 1966 mulai jam 9.00 pagi bertempat di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei.

Siapa2 yang ingin menyaksikan pembukaan persidangan tersebut hendak-lah berhubung terus dengan Jurutulis Majlis2 Mashuarat untuk mendapatkan Kad2 Kebenaran Masok.

Perlu di-ingatkan bahawa oleh kerana tempat2 duduk ada-lah dihadkan, maka pengeluaran Kad2 Kebenaran Masok juga ada-lah dihadkan.

*Gunakan-lah
Bahasa Melayu*

KAWALAN LALU LINTAS

Kempen keselamatan jalan raya bagi mengelakkan kemalangan2 lalu lintas sedang berlanjutan di-lancarkan di-seluruh negeri.

Pengawalan lalu lintas di-lakukan dengan lebih teliti dan waspada. Polis bahagian lalu lintas bekerja keras memeriksa kenderaan, mengawal orang ramai yang menggunakan jalan raya supaya menurut peraturan2 yang telah di-tentukan oleh pihak yang berkuasa.

Pemandu2 di-beri ingatkan supaya mengamalkan segala ajaran2 dan petunjuk2 yang telah di-berikan kepada mereka oleh Pegawai2 Jabatan Kenderaan Darat sa-belum pemandu2 itu di-sahkan sa-bagai pemandu yang berlesen.

Pihak Kenderaan Darat menjalankan ujian2 memandu dengan lebih ketat lagi, kereta2 tua di-uji dari sa-masa ka-sama-sa, kereta2 baru pun di-periksa sa-belum di-beri kebenaran menggunakan-nya.

Dalam tahun ini, beratus orang telah di-hadapkan ka-mahkamah kerana kesalahan jalan raya dan mereka itu hampir kesemua-nya di-dapati salah dan di-denda menurut undang2 keselamatan jalan raya.

Punca berlaku-nya kemalangan jalan raya itu ada beberapa jurusan antara-nya ia-lah kebanyakan pemandu2 tidak menumpukan perhatian sa-penohnya apabila mereka memandu sa-belum memandu mereka tidak menjalankan pemeriksaan yang sa-wajar-nya ka-atas jentera dan alat2 kereta yang mereka pandu itu.

Umum mengetahui bahawa tiap2 bulan bilangan kereta makin bertambah yang menyebabkan suasana lalu lintas di-negeri ini bertambah sibok.



Pemeriksaan yang ketat di-lakukan oleh pegawai2 di-jabatan Keenderaan Darat ka-atas kereta2 yang memohon baharu lisen. Langkah ini juga ada-lah bagi mengelakkan sa-suatu kemungkinan berlaku-nya kemalangan jalan raya.

Bagitu juga kemalangan2 di-jalan raya makin menjadi2 dari kemalangan yang ringan hingga membawa kepada chachat berat dan mela-yang-nya jiwa sa-saorang. Maka itu timbul-lah kata2 di-kalangan sa-sama kita apabila sa-saorang itu mendapat kemalangan yang dahshat atau langsung meninggal dunia sa-bagai 'macham mati ayam.'

Semua orang tidak mahu mati


macham mati ayam, malah kalau boleh orang mahu hidup hingga ka-akhir zaman, tetapi kita bershukor kalau kita hidup dan kemudian mati dalam keadaan tenang dan di-lingkungi dengan do'a restu dari keluarga dan sahabat handai.

Ketika memandu kita harus memikirkan keselamatan diri kita sendiri dan keselamatan orang lain.

Hormat menghormati bukan hanya terdapat dalam majlis2 atau istiadat2 yang di-adakan

bahkan hormat menghormati ada di-mana2, walau pun di-jalan2 raya. Hormat di-jalan raya ada beberapa perkara antara-nya menghormati undang2 lalu lintas, menghormati petunjuk2 jalan raya, menghormati had laju (speed limit) bagi sa-suatu jalan raya.


Bagitu juga kepada orang yang memelihara binatang2 ternakan seperti lembu, kerbau dan kambing harus memikirkan bahawa binatang2 ternakan ini boleh mendatangkan bahaya, te-



Gambar atas menunjukkan papan tanda had laju 30 batu per jam bagi tiap2 keenderaan yang melalui jalan ini. Papan2 tanda seperti ini telah di-pasang di-jalan2 raya yang memerlukan had laju bagi keenderaan2 yang melalui jalan2 raya tersebut.



Ini-lah satu sebab terjadi-nya sa-suatu kemalangan jalan raya. Tuan2 peternak binatang yang di-pelihara harus menjaga ternakan ini.



Tiap2 pemandu terlebih dahulu di-uji bagaimana menggunakan jalan raya menurut peratoran lalu lintas (atas). Gambar bawah: Ujian menyimpan kereta.

apabila binatang2 itu
kan berkeliaran di-jalan2

k Pulis berkali2 telah
ri amaran kepada penter-
rbau, lembu dan kambing
mengawasi binatang2
n mereka dengan mem-
n kandang atau pagar su-
inatang2 itu tidak lepas
n raya. Beberapa orang
di-dapati membiarkan
2 mereka berkeliaran di-
raya telah pun di-hadap-
mahkamah dan di-denda.



kerbau, kambing dan lain2
n chermat.



PERLAWANAN BOLA JARING SEKOLAH2 MELAYU SA-NEGERI BRUNEI

PERLAWANAN Bola Jaring antara Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei: Bahagian Rendah ia-itu Darjah enam ka-bawah. Perlawanan ini ada-lah sa-bahagian daripada Ranchangan Tahunan yang di-kelolakan dan di-selenggarakan oleh Jabatan Pelajaran, Brunei.

Perlawanan2 Pemilihan di-tiap2 Daerah kerana memilih kejohanan yang akan memasuki ka-Perlawanan Peringkat Negeri yang telah di-jalankan baru2 ini ada-lah seperti berikut:—

BAHAGIAN BRUNEI I

PADA 24 NOVEMBER, 1966: Perlawanan antara Sekolah2 di-Bandar Brunei, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu SMJA, Brunei.

(a) Sekolah2 yang menyertai perlawanan:

- (i) Sekolah Melayu SMJA.
- (ii) Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.
- (iii) Sekolah Melayu Pintu Malim.

(b) Keputusan perlawanan:

- (i) Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan SMJA. dengan Pasokan Pintu Malim, Keputusan-nya Pasokan SMJA, menang dengan 12 gol tidak berbalas.
- (ii) Perlawanan Akhir antara Pasokan RIF, dengan Pasokan SMJA. Keputusan-nya pasokan SMJA, menang dengan 16 gol berbalas 3 gol.

Maka dengan keputusan perlawanan itu Pasokan Sekolah SMJA, menjadi Johan Bola Jaring antara Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I bagi tahun 1966, dan menjadi wakil masuk ka-Perlawanan Peringkat Negeri. Yang menjadi Naib Johan ia-lah Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Brunei.

BAHAGIAN BRUNEI II

PADA 26 NOVEMBER, 1966: Perlawanan Akhir Sekolah2 Melayu Brunei II bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu SMJA ia-itu perlawanan antara Johan Sekolah2 Jalan Tutong, Pasokan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut berlawan dengan Johan Sekolah2 Jalan Muara; Pasokan Sekolah Melayu Delima I, Keputusan-nya Pasokan Bunut menang dengan 8 gol berbalas 4 gol.

Maka dengan keputusan perlawanan itu Pasokan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut menjadi Johan Bola Jaring antara Sekolah2 Sekolah2 Melayu Brunei II bagi tahun 1966 dan menjadi

di-susun oleh
Md. Husain Zainal
Pejabat Pelajaran
Brunei

wakil Sekolah2 Melayu Brunei II masuk ka-Perlawanan Peringkat Negeri, yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasokan Sekolah Melayu Delima I.

BOLA TAMPAR: (Volleyball)

Perlawanan Bola Tampar antara Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei Bahagian Rendah ia-itu Darjah enam ka-bawah; Perlawanan ini ada-lah sa-bahagian daripada Ranchangan Tahunan yang di-kelolakan dan di-selenggarakan oleh Jabatan Pelajaran, Brunei.

Perlawanan2 Pemilihan di-tiap2 daerah kerana memilih kejohanan yang akan memasuki ka-Perlawanan Peringkat Negeri yang telah di-jalankan baru2 ini ada-lah seperti berikut:—

BAHAGIAN BRUNEI I

PADA 24 NOVEMBER, 1966: Perlawanan antara Sekolah2 Melayu Brunei I, bertempat di-gelanggang SMJA, Brunei.

(a) Pasokan2 yang menyertai perlawanan:

- (i) Pasokan Sekolah Melayu SMJA.
- (ii) Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai.

(b) Keputusan Perlawanan: Di-menangi oleh Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai dengan kemenangan hetongan mata 15/10, 13/15 dan 16/14.

Maka dengan keputusan perlawanan itu Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai menjadi Johan Bola Tampar antara Sekolah2 Brunei I bagi tahun 1966 dan menjadi wakil Sekolah2 Brunei I, masuk ka-Perlawanan Peringkat Negeri, Yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasokan Sekolah Melayu SMJA, Brunei.

BAHAGIAN BRUNEI II

PADA 26 NOVEMBER, 1966: Perlawanan Akhir Sekolah2 Melayu Brunei II, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu SMJA, Bandar Brunei, ia-itu Perlawanan antara Johan Sekolah2 Melayu Jalan Tutong, Pasokan Sekolah Melayu Gadong dengan Johan Jalan Muara, Pasokan Sekolah Melayu Latehan Anggerek Desa, Keputusan-nya Pasokan Latehan Anggerek Desa menang de-

ngan kemenangan hetongan mata: 15/7 dan 15/4.

Maka dengan keputusan perlawanan itu Pasokan Sekolah Latehan Anggerek Desa menjadi Johan Bola Tampar antara Sekolah2 Melayu Brunei II, masuk ka-Perlawanan Peringkat Negeri, Yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasokan Sekolah Melayu Gadong.

BOLA JARING DAN BOLA TAMPAR PERINGKAT MENENGAH

Perlawanan Bola Jaring dan Bola Tampar Peringkat Menengah antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 Negeri Brunei atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei.

Perlawanan di-bahagikan dua Kumpulan, ia-itu Kumpulan Brunei dan Temburong; Kumpulan Belait dan Tutong. Tiap2 Kumpulan mengadakan perlawanan-nya masing2 dan Johan tiap2 kumpulan akan berlawan untuk merebut gelaran Johan Sa-Negeri.

KUMPULAN BRUNEI DAN TEMBURONG.

1. Pasokan2 yang menyertai perlawanan:

(a) Bola Jaring.

- (i) Maktab Perguruan Melayu Brunei.
- (ii) Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.
- (iii) Sekolah Menengah China.
- (iv) Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.
- (v) Sekolah Menengah Melayu Pertama.
- (vi) Sekolah Menengah Melayu SMJA.
- (vii) Sekolah Menengah Melayu Sultan Hasan, Bangar.

(b) Bola Tampar.

- (i) Sekolah Menengah Melayu Pertama.
- (ii) Sekolah Menengah China.
- (iii) Sekolah Menengah Melayu SMJA.
- (iv) Sekolah Menengah Melayu Sultan Hasan, Bangar.
- (v) Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.
- (vi) Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Perlawanan2 yang telah di-jalankan baru2 ini ada-lah seperti berikut:—

1. PADA 24 NOVEMBER, 1966: Tiga Perlawanan telah di-jalankan serempak, ia-itu

satu Perlawanan Bola Jaring dan dua Perlawanan Bola Tampar, bertempat di-gelanggang SMJA, Brunei.

(a) Bola Jaring: Antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama dengan Maktab Perguruan Melayu Brunei, Bahagian L.C.E., Keputusan-nya Pasokan M.P.M.B. L.C.E. menang dengan 9 gol berbalas 8 gol.

(b) Bola Tampar:

(i) Antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama dengan Pasokan Maktab SOAS, Keputusan-nya Pasokan SMMP, menang dengan hetongan mata: 7/15, 15/3, dan 15/3.

(ii) Antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu SMJA., dengan Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei, Keputusan-nya Pasokan MPMB menang dengan hetogan mata: 12/15, 15/2 dan 15/8. 2. PADA 26 NOVEMBER, 1966: Dua perlawanan di-jalankan serempak ia-itu Bola Jaring dan Bola Tampar, bertempat di-gelanggang SMJA, Brunei.

(a) Bola Jaring: Antara Pasokan Sekolah Menengah China dengan Pasokan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Keputusan-nya Pasokan STPRI., menang dengan 15 gol tidak berbalas.

(b) Bola Tampar: Antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama dengan Pasokan Sekolah Menengah China, Keputusan-nya Pasokan SMMP, menang dengan hetongan mata 15/7 dan 15/10.

3. PADA 27 NOVEMBER, 1966: Dua Perlawanan di-jalankan serempak, ia-itu Bola Jaring dan Bola Tampar, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar.

(a) Bola Jaring: Antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu SMJA, dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Sultan, Hasan Bangar, Keputusan-nya Pasokan SMJA, menang dengan 17 gol berbalas 8 gol.

(b) Bola Tampar: Antara Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Keputusan-nya Pasokan MPMB, menang dengan hetongan mata 15/7 dan 15/1.

Pelajar2 Uagama Berchuti Di-Tanah Ayer

BERAKAS. — Sa-ramai tiga puluh orang pelajar2 Uagama dari Sekolah Menengah 'Arab Al-Juneid, Singapura telah pulang ka-tanah ayer pada 1 Disember, 1966 dengan kapal terbang.

Mereka kembali dalam masa Chuti Penggal Akhir tahun 1966 ini dan Chuti Bulan Puasa. Mereka akan kembali semula melanjutkan pelajaran masing2 selepas Hari Raya Puasa.

Permainan Bola Jaring Di-Sekolah2 Melayu Negeri Brunei

PERMAINAN Bola Jaring, ia-itu satu daripada Rancangan2 Perlawanan Tahunan Jabatan Pelajaran Brunei antara Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei telah di-jalankan sejak tahun 1963. Ini-lah tahun yang ke-empat perlawanan itu di-adakan.

Oleh kerana pehak Jabatan Pelajaran Brunei memandang bahawa permainan Bola Jaring itu menjadi satu permainan yang di-gemari oleh ahli2 sokan wanita di-Tanah Ayer, maka sa-lain daripada Perlawanan Bahagian Sekolah2 Rendah Melayu, di-adakan pula perlawanan antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 Sa-Negeri Brunei.

Sa-buah Piala yang menjadi SIMBOL untuk memberi galakan dan dorongan kepada anak2 didekan dalam lapangan sokan wanita di-Negeri Brunei, ia-itu sa-bagai DERMA KENANGAN hadiah daripada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani, ada-lah menjadi rebutan pada tiap2 tahun dalam Permainan Bola Jaring (Net Ball) antara Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani (duduk di-tengah) bergambar ramai dengan Guru2 dan Ahli2 Pemain Pasokan Bola Jaring Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut, Bahagian Brunei II yang telah menjadi Johan sa-lama dua tahun berturut2, ia-itu pada tahun 1964 dan 1965 antara Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei. Dalam gambar ini juga kelihatan Piala yang di-hadiahkan oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani. — MHZ.



Perlawanan Hoki Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Di-Daerah Tutong

TUTONG. — Satu Perlawanan Hoki Peringkat Akhir di-antara Persatuan Gerakan Pemuda Pemudi Sukarela Tutong dengan Pasokan Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya Tutong telah di-langsungkan di-Padang Besar Bukit Bendira, Pekan Tutong pada petang hari Ahad, 27 November, 1966.

Perlawanan itu ada-lah Anjoran Persatuan Melayu Luagan Dudok Tutong kerana menyambut Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin.

Perlawanan itu ada-lah terbuka kepada Persatuan2 Beliau, Jabatan2 Kerajaan dan Sekolah2 di-Daerah Tutong sahaja. Delapan pasokan telah mengambil bahagian. 6 pasokan wakil daripada Persatuan2 Beliau; 1 pasokan daripada Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong dan 1 pasokan Champoran Guru2 Melayu Daerah Tutong. Sa-belum Perlawanan Peringkat Akhir berlangsung beberapa perlawanan telah juga di-adakan.

Pegawai Daerah Tutong Yang Mulia Pengiran Othman bin Pengiran Anak Md. Salleh telah merasmikan pembukaan perlawanan Peringkat Akhir pada petang itu.

Beliau telah melafadzkan

uchapan yang berfadedah dan menyampaikan hadiah2.

Setia Usaha Sokan dan Pengurusi Perlawanan, Awg. Zaili bin Mohd. Yussof telah juga memberi ucapan pada petang itu.

Pasokan Persatuan Gerakan Pemuda Pemudi Sukarela Tutong telah berjaya menjadi Johan pada tahun ini dengan mengalahkan Pasokan

Menghadhiri Kursus Perpustakaan

BERAKAS. — Awang Ali bin Khayum, Pembantu Perpustakaan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Singapura pada hari Rabu yang lalu untuk menghadiri Kursus Perpustakaan.

Beliau akan menghadiri Kursus tersebut di-Perpustakaan Nasional, Singapura sa-lama enam bulan, atas perbelanjaan Kerajaan Brunei.

Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya dengan 6 gol berbalas 2. Pasokan Persatuan Gerakan Pemuda Pemudi Sukarela Tutong juga memenangi sa-buah perisai Rebutan Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Maulana Al-Sultan Brunei yang di-hadiahkan oleh Setia Usaha Agong Awang Ibrahim bin Abd. Latif.

Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya telah menjadi Naib Johan.

JAWATAN KOSONG:

PEGAWAI PERIKANAN

Permohonan2 ada-lah dipelawa bagi memenohi jawatan kosong sebagai Pegawai Perikanan di-Pejabat Perikanan, Brunei. Chalon yang berjaya akan di-kehendaki membantu Pegawai Perikanan Negara dalam semua bidang kerja2 perikanan bagi ikan laut atau ikan ayer tawar. Tugas2-nya termasuklah kerja2 di-luar.

GAJI: Dalam sukatan \$1020x40 — 1620. Gaji permula'an ada-lah bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN: Chalon2 mesti-lah mempunyai Ijazah dalam Ilmu Hayat dan mempunyai pengalaman dalam kerja ini serta boleh menjalankan tugas tersebut tanpa di-awasi.

TEMPOH PERKHIDMATAN: Sechara berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekira-nya kedua2 pehak bersetuju.

BAKSIS: Baksis sebanyak 12 1/2% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

CHUKAI PENDAPATAN: Pada masa ini Chukai Pendapatan tidak di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha

Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 20 Disember, 1966.

JAWATAN KOSONG:

TUKANG MASAK DI-PERKHIDMATAN BOMBA BRUNEI

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada mereka yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sebagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi satu jawatan kosong sebagai Tukang Masak di-Perkhidmatan Bomba, Brunei.

GAJI: Dalam sukatan gaji \$200x5 — 220 sa-bulan.

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN: Pemohon2 mesti-lah bangsa Melayu, berumur di-antara 30 hingga 45 tahun dan berpengalaman memasak di-Mess/Kantin atau di-kedai makan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 18 Disember, 1966.

JAWATAN KOSONG:

Penyelenggara Setor Di-Pejabat Setor2 dan Perbekalan Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi tiga jawatan kosong sebagai Penyelenggara Setor Tingkat III di-Pejabat Setor2 dan Perbekalan, Brunei.

GAJI: Dalam sukatan E 1-2 EB 3 \$200x10 — 270/EB/280 x10 — 330. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

KELAYAKAN2: Chalon2 untuk perlantikan mesti-lah berumur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Form II Inggeris atau Darjah VII Melayu dan baik dalam Ilmu Hisab.

SHARAT2 LANTEKAN: Chalon2 yang berjaya bukan dari raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sechara berkontrek atau sechara sa-bulan ka-sa-bulan dan akan menjalani masa perkhidmatan saperti lazim-nya.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei, tidak lewat dari 17 Disember, 1966.

PERTANDINGAN BINTANG RADIO DAERAH TEMBURONG

BANGAR. — Pertandingan Bintang Radio Peringkat Daerah Temburong telah di-langsungkan di-Padang Pekan Bangar, Temburong pada malam 2 Disember, 1966. Sungguh pun hujan telah menchorah turun pada malam itu, namun demikian, pertandingan itu telah di-jalankan dengan lancar-nya dan ramai penduduk2 di-Daerah Temburong telah berduyong menyaksikan pertandingan tersebut.

Majlis itu di-buka dengan rasmi-nya oleh Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz bin Mohammad dan hadiah2 kepada penyanyi2 yang berjaya telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Wan Khatijah binte Wan Yakob, isteri Pengiran Syed Shahminan bin Pengiran Haji Syed Mashor, Pegawai Daerah Temburong.

Keputusan Pertandingan Bintang Radio Brunei Peringkat Daerah Temburong yang telah di-langsungkan pada malam tersebut adalah seperti berikut:

BAHAGIAN LELAKI. Langgam: Johan — M. Bakri Naib Johan — Mohammad Haji Jeruddin. Ketiga — Barudin Asar. Asli: Jonan — M. Bakri. Naib Johan — Awangku Metusin Pengiran Tuah. Ketiga — Barudin Asar.

BAHAGIAN WANITA. Langgam: Johan — Thaibah Haji Abdul Rahim. Naib Johan — M. Azizah. Asli: Johan — Thaibah Haji Abdul Rahim. Naib Johan — M. Azizah.

PENYANYI2 TERBAIK. Lelaki — M. Bakri. Wanita — Thaibah Haji Abdul Rahim.

Dengan keputusan tersebut seramai lima orang penyanyi2, ia-itu tiga orang lelaki dan dua orang wanita telah di-boleh untuk mewakili Daerah Temburong dalam Pertandingan Bintang Radio Sa-Negeri Brunei pada bulan Januari hadapan. Mereka ia-lah M. Bakri, Mohammad Haji Jeruddin, Awangku Metusin Pengiran Tuah, Thaibah Haji Abdul Rahim dan M. Azizah.

Pertandingan tersebut telah di-hakimkan oleh Awang Abdul Ghani Mohed, Dayang Norleha Mohd. Noor; Awang S. M. Yusof dan Awang Abdul Wahab Mohammad.



Gambar ini di-ambil sa-lapas di-langsungkan Pertandingan Bintang Radio Daerah Temburong pada malam 2 Disember, 1966. Dalam gambar ini kelihatan penyanyi2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut.

HARGA BERAS SIAM DI-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Harga jualan Beras Siam di-Bandar Brunei, Tutong dan Muara, akan berubah ka-\$2.50 sa-gantang mulai hari ini. Harga-nya di-Belait dan Seria ada-lah sama, ia-itu \$2.25 sa-gantang.

Pengawal Setor2 Kerajaan, Awang Anthony Newn, ketika mengumumkan mengenai perubahan harga jualan beras yang baru itu menegaskan bahawa harga yang baru itu ia-lah untuk beras yang datang dari Thailand pada minggu lalu.

Awang Anthony Newn berkata bahawa kedai2 di-Belait dan Seria akan terus menjual beras yang di-bagikan kepada mereka dari penerimaan beras dari Thailand dalam bulan September yang lalu.

Beliau menambahkan bahawa beras yang di-bagikan kepada kedai2 di-Bandar Brunei, Tutong dan Muara dalam bulan September, telah habis

di-jual dalam minggu lalu. Kedai2 itu akan menjual beras daripada penerimaan yang baru itu mulai pada hari ini dengan harga yang di-ubahkannya itu.

Awang Anthony Newn menegaskan lagi bahawa beras jenis baru yang sama itu ada-lah lebih mahal

lagi di-jual di-negeri2 yang berhampiran.

Brunei ada-lah bernasib baik memperolehi pembahagian beras dari Thailand meskipun pihak2 yang berkuasa Thailand telah tidak membenarkan pengeluaran beras-nya ka-luar negeri, kata beliau.

Perlawanan Bola Sepak Derma Bakti

BANDAR BRUNEI. — Satu Perlawanan Bola Sepak Derma Bakti akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada jam 4.30 petang hari Ahad 11 Disember, 1966 di-antara Pasokan Bola Sepak Daerah Belait dengan Pasokan Bola Sepak Kampong Sumbiling.

Perlawanan Bola Sepak tersebut di-adakan di-bawah anjoran Jawatan Kuasa Memungut Derma Hari Raya Puasa kepada Anak2 Yatim, Banduan2 dan Orang2 Sakit di-Daerah Brunei dan Muara.

Tujuan di-adakan perlawanan itu ia-lah untuk men-

gutip derma bagi membantu Tabong Bantuan Anak2 Yatim, Banduan2 dan Orang2 Sakit di-Daerah Brunei dan Muara.

Sa-orang Juruchakap Jawatan Kuasa Badan tersebut menyeru kepada orang ramai supaya menyaksikan perlawanan bola sepak itu beramai2 sambil membantu Tabong Derma tersebut.

Sambutan Akhir Tahun Sekolah Melayu Sengkurong

SENGKURONG. — Penduduk2 Kampong Sengkurong dan Murid2 Sekolah Melayu dan Ugama akan mengadakan temasha Malam Penutupan Sekolah Akhir Tahun 1966 dengan mengadakan berbagai2 sambutan yang akan di-mulai pada jam 4.30 petang 9 Disember, 1966.

Majlis sambutan ini akan di-adakan tiga malam berturut2 dengan di-mulakan Pembukaan Rasmi-nya pada 9 Disember oleh Penolong Menteri Pelajaran Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking dan seterusnya penyampaian sijil2 kepada murid2 yang telah menamatkan pengajiannya di-sekolah tersebut.

USAHA YANG BERKEBAJIKAN

ANAK2 YATIM, Banduan2 dan Orang2 Sakit di-Daerah Brunei dan Muara, sebagaimana pada tahun2 yang lalu, akan juga menerima bantuan berupa Derma Hari Raya Puasa Tahun Hijrah 1386.

Usaha yang berkebakikan itu di-jalankan di-bawah anjoran Jawatan Kuasa Memungut Derma Hari Raya Puasa kepada Anak2 Yatim, Banduan2 dan Orang2 Sakit di-Daerah Brunei dan Muara.

Berbagai2 usaha untuk memungut derma telah di-jalankan dan akan di-jalankan oleh Jawatan Kuasa tersebut yang di-Pengerusikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Jawatan Kuasa itu akan mengadakan satu lagi kutipan derma untuk membantu tabong derma tersebut dengan mengadakan satu Perlawanan Bola Sepak di-antara Pasokan2 Bola Sepak Daerah Belait dengan Pasokan Bola Sepak Kampong Sumbiling di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang hari Ahad hadapan.

Mudah2an dengan bantuan orang ramai dari segala bangsa yang akan menonton temasha Perlawanan Bola Sepak itu, maka dapat-lah menambahkan lagi pungutan Derma Bakti yang berkebakikan itu.